

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI RABU, 25 APRIL 2012, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 4**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1251-L13897  
**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kriteria pemilihan penggabungan antara GLCs seperti MAS dan pihak swasta seperti AirAsia. Sebutkan jumlah penguasaan ekuiti MAS-AirAsia oleh pihak-pihak yang berkaitan dengan penggabungan perniagaan syarikat penerbangan gergasi itu.
2. PN-1251-L14678  
**Dato' Muhammad Olian b Abdullah** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah model perancangan yang telah digariskan dalam memastikan masyarakat Orang Asli tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara serta apakah program serta bantuan yang disediakan dalam menjamin kedudukan ekonomi mereka.
3. PN-1251-L14032  
**Dato' Ng Fook Heng** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah pengundi baru yang telah didaftarkan sejak tahun 2008 hingga sekarang mengikut kaum.
4. PN-1251-L14218  
**Tuan Pau Chiong Ung** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:-
  - a) adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk membina jalan alternatif yang menghubungi di antara Bintulu dan Sibu memandangkan kos penyelenggaraan yang begitu tinggi; dan
  - b) jika ada, berapakah kos pembinaan jalan baru dan bila ia akan dimulakan.
5. PN-1251-L14299  
**Dato' Syed Ibrahim bin Kader** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejak kebelakangan ini, ramai individu yang menggunakan gelaran Dato' atau Dato' Seri yang diperoleh daripada sumber yang diragui kedaulatan mereka. Adakah Kerajaan mengiktiraf penggunaan gelaran tersebut dan jika tidak, apakah usaha-usaha yang telah diambil untuk menangani gejala ini daripada terus menimbulkan kekeliruan di kalangan rakyat.

6. PN-1251-L14118  
**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan adakah terdapat cadangan untuk menubuhkan kawasan perniagaan berasaskan produk kemelayuan di Kuala Lumpur seperti mana wujudnya Petaling Street yang dimonopoli oleh kaum Cina dan Little India oleh kaum India.
7. PN-1251-L13917  
**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kes dan kematian akibat denggi dari Januari hingga Mac 2012 mengikut negeri, berapa pula kes dan kematian tempoh yang sama tahun lalu dan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengawalnya.
8. PN-1251-L13965  
**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian dalam menyeragamkan harga barang keperluan pengguna.
9. PN-1251-L14567  
**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah strategi jangka panjang untuk membendung dan menghapuskan kutu-rayau, pengemis dan gelandangan terutamanya yang berasal dari negara luar.
10. PN-1251-L14363  
**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan status terkini "krisis DBP-Dawama" yang beberapa bulan lalu bukan sahaja mengancam kelancaran penerbitan buku-buku teks sekolah, malah masing-masing mengancam hendak saling saman menyaman.
11. PN-1251-L14450  
**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan rancangan jangka pendek, sederhana dan panjang dalam menganalisis Data Terbaru Taburan Hujan Negara dan merangka Pelan Tindakan Efektif bagi merancang kapasiti sistem saliran dan takungan air bagi mengelakkan berlakunya bencana banjir kilat di seluruh negara.
12. PN-1251-L14258  
**Datuk Haji Saat bin Haji Abu** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kajian semula kuasa CTOS dan CCRIS yang berlarutan hingga kini dan sekali gus telah menyusahkan rakyat dalam negara ini.
13. PN-1251-L14274  
**Puan Hajah Noriah binti Mahat** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah peranan institusi sosio ekonomi Islam seperti zakat, baitulmal dan lain-lain dalam memberi bantuan dan membaiayai pelajar melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi dan bagi mengelakkan bekas graduan dibebani hutang belajar.

14. PN-1251-L14634  
**Tuan Baharudin bin Abu Bakar** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan status terkini Tabung Siswazah (TUS) dan apakah perancangan strategik Kementerian dalam usaha memantapkannya.
15. PN-1251-L14335  
**Tuan Lee Cheam Choon** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan tindakan yang akan diambil untuk memastikan bahawa kualiti Bahasa Melayu akan dikekalkan. Kebelakangan ini, jelas terlihat perkataan-perkataan baru Bahasa Melayu yang digunakan, khas di televisyen untuk, sari kata terutamanya untuk rancangan ASTRO.
16. PN-1251-L14467  
**Dato' Jaspal Singh** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa banyakkah pusat "*medical tourism*" yang telah didaftarkan dan apakah bidang pengkhususan pusat ini. Apakah langkah-langkah dan insentif yang sedia ada untuk menggalakkan lebih banyak pusat perubatan mengambil bahagian dalam "*medical tourism*" dan kriteria untuk sesebuah pusat mendaftar dengan Kementerian.
17. PN-1251-L14664  
**Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan Pusat merancang projek-projek perumahan seperti berikut:-
  - a) Projek Rumah Mesra Rakyat - ditambah pembinaan seperti berikut di negeri Sarawak pada masa hadapan; dan
  - b) Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PRIMA) - diperluaskan ke negeri Sarawak juga.
18. PN-1251-L14241  
**Dato' Zaitun binti Mat** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah Pelan Strategik Orang Asli 2011-2015 mampu melonjakkan kemajuan masyarakat berkenaan bagi membolehkan mereka bersaing dan digabungkan dalam arus perdana kemajuan negara.
19. PN-1251-L13998  
**Puan Hajah Rohani binti Abdullah** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan ajaran sesat yang dikenal pasti oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan nyatakan tindakan tegas yang diambil bagi membendung perkembangan kumpulan ajaran sesat ini khususnya Al-Arqam, Kumpulan Syiah dan Bathiniah.
20. PN-1251-L14048  
**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan negara utama pengimpor tekstil dan bunga-bungaan ke negara ini dan jumlah import dan eksport tekstil dan jumlah pemberian AP berkaitan tekstil mengikut kaum.

21. PN-1251-L14165

**Puan Norliza binti Abdul Rahim** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rasionalnya Kementerian membatalkan pengiktirafan kepada lebih separuh universiti-universiti perubatan di luar negara.

22. PN-1251-L14017

**Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan:-

- a) butiran yang lengkap bagaimana Sustainable Energy Development Authority (SEDA) yang ditubuhkan pada 2011 dapat mendorong pertumbuhan ekonomi secara praktikal; dan
- b) langkah-langkah yang telah diambil untuk mempromosi Malaysia sebagai pusat teknologi hijau dan perkhidmatan yang berkaitan.

23. PN-1251-L14416

**Tuan Subramiam a/l Veruthasalam** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah untuk mengawal tindakan ejen-ejen yang menghantar pelajar ke Rusia dan Ukraine untuk kursus perubatan, kerana wujud banyak kes di mana selepas mengambil yuran yang tinggi, pelajar tidak menerima kemudahan penginapan dan sebagainya seperti yang dijanji.

24. PN-1251-L14651

**Dato' Boon Som a/l Inong** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah pelajar yang dilaporkan ponteng sekolah secara terperinci mengikut negeri sepanjang tahun lalu serta langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah berkenaan. Adakah Kementerian bercadang untuk menggubal undang-undang supaya boleh tindakan perundangan dikenakan terhadap pelajar yang ponteng sekolah.

25. PN-1251-L14566

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah rasionalnya mengeluarkan lesen Long Term Evolution (LTE) kepada pengusaha industri komunikasi yang dianggap melebihi keperluan. Bagaimana Kementerian menentukan LTE ini akan diguna-pakai secara optimum dan bilakah LTE ini akan dilancarkan.

26. PN-1251-L14237

**Datuk Maijol bin Mahap** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah benar program pengajian luar kampus Universiti Utara Malaysia di Kota Kinabalu bagi kursus ijazahnya tidak diiktiraf oleh MQA dan jika benar, apakah status penuntut-penuntut mereka yang telah dan sedang mengikuti kursus tersebut.

27. PN-1251-L14420  
**Datuk Paul Kong Sing Chu** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah pemandu teksi di pusat bandar raya dibenarkan berhenti secara sesuka hati untuk mengambil penumpang yang mana sikap sebegini merupakan punca kesesakan lalu lintas. Apakah tindakan Kementerian untuk menyelesaikan masalah ini.
28. PN-1251-L13997  
**Puan Hajah Rohani binti Abdullah** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sehingga 31 Disember 2011 dan nyatakan jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman bagi tempoh berkenaan serta nyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mengutip tunggakan bayaran balik pinjaman berkenaan.
29. PN-1251-L14685  
**Tuan Saiful Izham bin Ramli** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk melupuskan perjanjian usaha sama antara MAS dan AirAsia berikutan bantahan kuat daripada Kesatuan Pekerja-Pekerja MAS Semenanjung Malaysia (MASEU) selepas perjumpaan mereka dengan YAB. Perdana Menteri pada Februari lalu yang kandungan perjanjian tersebut agak berat sebelah kepada AirAsia yang juga merupakan pesaing utama penerbangan domestik negara dan gagal menunjukkan sebarang kemajuan terhadap prestasi MAS sendiri sedangkan ia sudah dimeterai lebih 9 bulan yang lalu.
30. PN-1251-L14133  
**Dr. Syed Husin Ali** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan senarai kos perbelanjaan secara terperinci bagi binaan tugu-tugu, iklan-iklan, nama syarikat-syarikat yang mendapat kontrak serta 'fee' pelantikan konsultan yang terlibat untuk mempromosikan kempen slogan '1Malaysia'.
31. PN-1251-L14594  
**Dato' Dr. Yeow Chai Thiam** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keberkesanan kempen pendermaan organ telah dapat menyelamatkan nyawa mereka yang mengalami kegagalan organ.
32. PN-1251-L14007  
**Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah dan perincian warganegara Malaysia yang disenaraikan hitam untuk ke luar negara akibat daripada masalah pembayaran.
33. PN-1251-L14127  
**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk membuat penjenamaan semula aliran Sains bagi membantu meningkatkan minat pelajar kepada pembelajaran Sains di sekolah.

34. PN-1251-L14464

**Dato' Jaspal Singh** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pecahan jumlah penuntut yang sedang menuntut di luar negara mengikut negara dan bidang pelajaran. Apakah dasar Kementerian apabila seseorang penuntut menghadapi kecemasan dan berapa ramai penuntut-penuntut di luar negara telah meninggal dunia semasa menuntut dalam masa 5 tahun yang lalu.

35. PN-1251-L13985

**Datuk Chin Su Phin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah strategi SPR yang paling berkesan bagi memastikan 3.7 juta rakyat Malaysia yang berumur 21-40 tahun yang layak mengundi ini, mendaftar sebagai pengundi dan kenapakah pihak Kerajaan tidak memperkenalkan sistem daftar online, dan apakah kebaikan dan keburukan sistem daftar online tersebut.

36. PN-1251-L14353

**Tuan Lee Cheam Choon** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan jumlah belia-belia dari sekolah menengah, kolej, dan universiti untuk menyertai lebih banyak aktiviti-aktiviti yang memupuk minat bersukan agar membina masyarakat yang mengamalkan gaya hidup yang sihat dan cergas.

37. PN-1251-L14727

**Dato' Dr. Johari bin Mat** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah rasionalnya keputusan Kerajaan supaya LPF tidak lagi diberi tanggungjawab untuk menapis filem-filem tempatan dan sebaliknya melantik penerbit-penerbit filem sendiri sebagai panel penapisan filem. Apakah pihak Kementerian yakin bahawa panel penapis yang terdiri dari pengeluar filem dapat menjalankan tugas dengan sebaiknya dan sehingga kini berapa banyakkah filem yang dikeluarkan melalui panel penapis filem daripada kalangan penerbit filem.

38. PN-1251-L14471

**Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah pelan tindakan khusus yang telah dirancang untuk memberi sokongan kepada ibu-ibu tunggal di Malaysia bagi menjamin agar mereka tidak ketinggalan dalam arus pembangunan ekonomi yang pesat sambil memastikan pembangunan keluarga yang sihat.

39. PN-1251-L14284

**Puan Hajah Noriah binti Mahat** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah sumbangan Malaysia dalam memastikan dan merealisasikan, sebuah komuniti ASEAN akan ditubuhkan menjelang tahun 2015, dan sejauh manakah tiga tunggak kerjasama, iaitu Komuniti Keselamatan Politik ASEAN (APSC), Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dan Komuniti Sosiobudaya ASEAN (ASCC) dilaksanakan bagi mencapai tujuan tersebut.

40. PN-1251-L14524  
**Tuan Khoo Soo Seang** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah benar bahawa pengimportan keluli dikenakan cukai import setinggi 25 peratus manakala barang-barang buatan keluli tidak dikenakan sebarang cukai import. Sistem cukai tersebut telah menyebabkan barang-barang buatan keluli tempatan tidak berdaya saing dengan barang-barang import. Sekiranya benar, apakah usaha Kementerian untuk membantu para pekilang barang-barang keluli tempatan serta menggalakkan pelabur asing ke negara kita.
41. PN-1251-L14382  
**Datuk Paul Kong Sing Chu** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik mengenai kemalangan di kawasan pembinaan sejak 5 tahun yang lalu serta sebab-sebab untuk kejadian tersebut berikutan kejadian kebakaran di KL Sentral dan sebuah kren yang terjatuh dari bangunan yang sedang dalam pembinaan di Jalan Ampang yang hampir meragut nyawa.
42. PN-1251-L13956  
**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:-
- a) berkaitan syarikat penerbangan tambang murah AirAsia yang tidak mengiklankan bayaran sebenar semasa promosi tiket di laman web, media massa dan media cetak; dan
  - b) adakah Kementerian bakal mewajibkan iklan yang disiarkan perlu mempamerkan bayaran sebenar supaya tidak berlaku salah faham dan risiko diambil tindakan undang-undang seperti yang terjadi ke atas AirAsia semasa kempen promosi di Australia baru-baru ini.
43. PN-1251-L13928  
**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah program J-Qaf yang sedang dijalankan di sekolah rendah akan diperluaskan ke sekolah menengah dan bila serta bagaimana ia akan dilaksanakan.
44. PN-1251-L14581  
**Dato' Dr. Yeow Chai Thiam** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebabnya duit syiling Malaysia siri baru yang dikeluarkan lebih kecil serta ringan.
45. PN-1251-L14161  
**Dr. S. Ramakrishnan** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah pembaharuan yang dibuat dalam pemberian peruntukan dana Kerajaan bagi memastikan wang yang diberi digunakan dengan sebaik-baiknya selepas pendedahan mengenai penyelewengan dan kegagalan Pusat Fidlot Kebangsaan (NFC).

46. PN-1251-L14192

**Dr. S. Ramakrishnan** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan statistik dan peratusan semua jenis sekolah yang mempunyai Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) di seluruh negara sehingga kini. Apakah tindakan Kementerian untuk memastikan setiap sekolah di negara ini mempunyai LPS kerana arahannya sudah termaktub dalam Akta Pelajaran 1956 (Seksyen 53).

47. PN-1251-L14693

**Dato' Muhammad Olian b Abdullah** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah kedudukan Program Rakan Muda dan pencapaiannya serta apakah inisiatif yang telah diambil bagi memperkasakan agenda pembangunan negara melalui Rakan Muda memandangkan ramai belia menerima program sedemikian khasnya di luar bandar.

48. PN-1251-L14717

**Dato' Dr. Johari bin Mat** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengenai isu perbankan dan produk kewangan Islam yang menjadi rungutan di kalangan masyarakat akhir-akhir ini di mana ada yang mendakwa bahawa terdapat produk yang ditukar warna sahaja daripada konvensional kepada Islam tetapi dari segi pelaksanaannya tidak ada apa-apa perubahan.

49. PN-1251-L14698

**Tuan Saiful Izham bin Ramli** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status 36 jawatan tertinggi dalam skim perkhidmatan awam negara bertaraf Turus di bawah Skim Baru Perkhidmatan Awam yang dibatalkan pelaksanaannya baru-baru ini. Adakah benar mereka sudah beroleh manfaat atau imbuhan di bawah skim tersebut dan berapakah jumlah keseluruhan imbuhan yang sudah diberikan kepada mereka di bawah SBPA serta adakah mereka terpaksa memulangkan imbuhan yang sudah dibayar itu apabila pelaksanaan SBPA dimansuhkan.

50. PN-1251-L14639

**Dato' Boon Som a/l Inong** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk melantik Pegawai Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) daripada kalangan masyarakat Siam di negeri Kedah, Kelantan, Perlis dan Perak yang akan memainkan peranan melaksanakan program-program kemajuan masyarakat dalam kalangan masyarakat Siam.

51. PN-1251-L14543

**Tuan Ahmad bin Hussin** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- a) jumlah pencarum dan jumlah dana terkini yang sedang disimpan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan daripada jumlah tersebut berapakah yang telah dipinjam oleh Kerajaan Malaysia; dan
- b) berapakah peratus dividen tahunan sejak 5 tahun yang lepas dan mengapakah dividen tahunan tersebut jauh kurang daripada yang telah diberikan oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

52. PN-1251-L14038  
**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah geran dan pinjaman tanpa jaminan yang telah diberikan kepada pengusaha lebuh raya seluruh Malaysia dan namakan syarikat-syarikat yang telah menikmati dan jumlah pembayaran kemudahan tersebut sejak tahun 2000.
53. PN-1251-L13946  
**Datuk Chin Su Phin** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah statistik kes jenayah "Ah Long" yang dicatatkan di seluruh negara pada tahun 2001 hingga 2011, dan apakah langkah-langkah komprehensif terbaru Kerajaan dalam membendung aktiviti jenayah ini.
54. PN-1251-L14541  
**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap pihak-pihak yang membuat penghantaran wang secara haram melalui sistem 'hawala' daripada Malaysia iaitu setelah *Money Services Business Act 2011* berkuat kuasa.
55. PN-1251-L13907  
**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan:-
- berapakah jumlah peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk membina jalan baru luar bandar dan menaikkan taraf jalan kampung di Terengganu sejak tahun 2010 dan 2011; dan
  - apakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan beberapa jalan luar bandar di Parlimen Marang untuk menjadi jalan negeri yang menghubungkan antara Pekan Marang dengan Kuala Berang.
56. PN-1251-L14624  
**Tuan Baharudin bin Abu Bakar** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kemasukan pendatang asing ke negara ini adalah untuk memenuhi kekurangan pekerja dalam beberapa sektor seperti perkilangan, pertanian, pembuatan, pembantu rumah dan pembinaan. Persoalannya, bagaimana pendatang asing ini boleh mengisi pekerjaan di sektor-sektor di luar kebenaran.
57. PN-1251-L14201  
**Dato' Azian bin Osman** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Program Permata Pintar Negara dapat menyumbang ke arah pembangunan modal insan negara.
58. PN-1251-L14143  
**Dr. Syed Husin Ali** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memberi bantuan kepada projek mikro elektrik yang dijalankan di beberapa kampung di pedalaman Sarawak.

59. PN-1251-L14164

**Datuk Chiw Tiang Chai** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah proaktif yang diambil oleh pihak berkuasa ekoran lambakan GRO asing yang sejak kebelakangan ini semakin berleluasa ekoran wujudnya pakatan sindiket dominasi pelacuran di Lembah Klang ini.

60. PN-1251-L14244

**Dato' Zaitun binti Mat** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan program pembangunan belia yang dilaksanakan Kementerian khususnya yang melibatkan persatuan-persatuan belia semua kaum di bandar dan luar bandar.

61. PN-1251-L14326

**Dato' Syed Ibrahim bin Kader** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan masyarakat India yang beragama Islam mengikut perangkaan yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia.

62. PN-1251-L14398

**Puan Chew Lee Giok** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah tenaga pekerja di Malaysia mengikut sektor perniagaan. Berapa jumlah pekerja Malaysia dan pekerja negara-negara asing.

## **ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Usul dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang dan masalah dicadangkan:-**

“ Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“ Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kelima, Parlimen Yang Kedua Belas.”

### **Menyambung semula perbahasan atas masalah (24 April, 2012)**

2.	<b>(D.R. 3/2012)</b>	<b>Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2011) 2012</b>	<b>Bacaan Kali Yang Kedua</b>
<b>[ Kementerian Kewangan]</b>			
3.	<b>(D.R. 44/2011)</b>	<b>Rang Undang-undang Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan 2011</b>	“
<b>[ Kementerian Kerja Raya ]</b>			
4.	<b>(D.R. 1/2012)</b>	<b>Rang Undang-undang Pengantaraan 2012</b>	“
<b>[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]</b>			
5.	<b>(D.R. 2/2012)</b>	<b>Rang Undang-undang Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2012</b>	“
<b>[ Menteri Pengangkutan ]</b>			
6.	<b>(D.R. 6/2012)</b>	<b>Rang Undang-undang Laporan Kewangan (Pindaan) 2012</b>	“
<b>[ Kementerian Kewangan ]</b>			
7.	<b>(D.R. 5/2012)</b>	<b>Rang Undang-undang Syarikat Labuan (Pindaan) 2012</b>	“
<b>[ Kementerian Kewangan ]</b>			
8.	<b>(D.R. 7/2012)</b>	<b>Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2012</b>	“
<b>[ Kementerian Kewangan ]</b>			

			<b>Bacaan Kali Yang Kedua</b>
9.	(D.R. 15/2012)	Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2012	
		[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]	
10.	(D.R. 18/2012)	Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2012	"
		[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]	
11.	(D.R. 17/2012)	Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No.2) 2012	"
		[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]	
12.	(D.R. 16/2012)	Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) (No.2) 2012	"
		[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]	
13.	(D.R. 13/2012)	Rang Undang-undang Laut Wilayah (Pindaan) 2012	"
		[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]	
14.	(D.R. 20/2012)	Rang Undang-undang Rukun Tetangga 2012	"
		[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]	
15.	(D.R. 21/2012)	Rang Undang-undang Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012	"
		[Kementerian Dalam Negeri ]	
16.	(D.R. 4/2012)	Rang Undang-undang Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 2012	"
		[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]	
17.	(D.R. 11/2012)	Rang Undang-undang Jasa Perkasa Persekutuan (Elaun Kenangan) 2012	"
		[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]	
18.	(D.R. 12/2012)	Rang Undang-undang Pingat Tentera Udara (Elaun Kenangan) 2012	"
		[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]	

- |   |  |                               |
|---|--|-------------------------------|
| 19. (D.R. 8/2012)   | Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2012            | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| <b>[ Kementerian Pengajian Tinggi ]</b>   |  |                               |
| 20. (D.R. 9/2012)   | Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2012         | “                             |
| <b>[ Kementerian Pengajian Tinggi ]</b>   |  |                               |
| 21. (D.R. 10/2012)  | Rang Undang-undang Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Pindaan) 2012 | “                             |
| <b>[ Kementerian Pengajian Tinggi ]</b>   |  |                               |
| 22. (D.R. 14/2012)  | Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2012             | “                             |
| <b>[ Kementerian Kewangan ]</b>   |  |                               |
| 23. (D.R. 23/2012)  | Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 2012                 | “                             |
| <b>[ Kementerian Dalam Negeri ]</b>   |  |                               |
| <b>24. PN-1251-U13929</b><br><b>Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar</b> akan mencadangkan:-   |  |                               |
| <p>"Bahawa Dewan ini mengambil maklum tentang kecekapan sistem pengangkutan awam yang merupakan sebahagian daripada kelestarian dan keharmonian mana-mana sempadan di dunia. Kecekapan berkenaan perlu diwujudkan selari dengan pertambahan penduduk yang begitu cepat. Ini menyebabkan bandaraya-bandaraya besar termasuk Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru dan lain-lain sentiasa dilanda kesesakan lalu lintas yang mendesak. Kadangkala, untuk sampai ke destinasi yang berada di sekitar 5km sahaja akan mengambil masa yang agak lama. Ini merugikan masa, tenaga, minyak petrol dan keharmonian di kalangan pengguna pengangkutan awam. Dewan juga sedia maklum bahawa kereta persendirian juga masih banyak digunakan biarpun berlaku penurunan tetapi ternyata masih tinggi iaitu 34% (1985) turun kepada 20% (1997) dan 10-12% (2008). Namun, penurunan penggunaan kereta persendirian akibat sistem pengangkutan awam yang telah ditambah baik melalui pengenalan pengangkutan rel transit seperti Komuter, LRT, STAR dan bas rapid yang semakin banyak (tersusun) bukan bermakna rakyat berpuas hati dengan apa yang terhidang di hadapan mata mereka. Justeru, Dewan ini diseru supaya pihak Kerajaan mempercepatkan transformasi terhadap sistem pengangkutan darat selari dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD).</p> |  |                               |

Kerajaan juga diseru untuk mengurangkan kesesakan di kawasan-kawasan perniagaan; mempertingkatkan jumlah bas berhenti-henti di samping monorel yang lebih teratur dengan pelaksanaan piawaian perkhidmatan yang lebih canggih dan bersistematis. Kerajaan juga perlu mengambil kira projek-projek infrastruktur yang memungkinkan integrasi stesen dan kemudahan-kemudahan "park and ride" yang lebih lestari dan teratur seperti yang sedang dilakukan di Putrajaya."

**(Menteri Di Jabatan Perdana Menteri)**

25. PN-1251-U13942

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini sedia maklum tentang Kerajaan Indonesia yang telah bermain tarik tali di dalam isu pembantu rumah (amah). Ketika mengadakan perbincangan di antara Kerajaan, kedua-dua pihak telah bersetuju untuk menyelesaikan masalah ini sebaik mungkin. Namun, secara tiba-tiba pula, Kerajaan Indonesia mengumumkan untuk menghantar rakyat mereka yang terlatih sebagai amah untuk bekerja di dalam satu bidang kerja sahaja dengan gaji RM700 sebulan. Bayangkan apa akan jadi kepada keluarga yang bekerja yang tidak tentu masa, sudah tentu merumitkan mereka untuk membersih pakaian, menyediakan makan minum untuk keluarga dan untuk membersih/mengemas rumah. Kita faham bahawa pembantu rumah atau amah diperlukan untuk membantu keluarga menjaga anak-anak mereka yang bekerja/keluar mencari rezeki. Dewan ini juga sedia maklum bahawa prestasi kerja dan kedamaian keluarga juga berlaku akibat suasana rumah tangga yang harmoni. Sekiranya keadaan hiruk pikuk di rumah dengan keadaan persekitaran di dalam rumah yang lintang pukang; anak-anak yang terbiar; makanan yang tidak terurus, sudah tentu hasil kerja dan produktiviti seseorang itu akan terganggu. Maka, Dewan ini, disaran supaya Kementerian Sumber Manusia (KSM) membuka ruang kepada pengusaha-pengusaha latihan untuk memberikan perkhidmatan dan latihan kepada anak-anak muda tempatan untuk berkhidmat sebagai amah secara sistematis. Jika perlu, satu kurikulum berkaitan yang dikenali Aloss perlu digubal dan disebar-luas kepada pengusaha yang berminat. Satu tempoh masa perlu diberi perhatian oleh Kerajaan bagi memastikan anak-anak kita dijaga oleh pekerja tempatan yang lebih memahami budaya dan cara hidup serta agama yang dianuti di Malaysia. Selain itu, di masa sama, ianya menjimatkan Kerajaan dari segi pengaliran wang keluar negara yang berjumlah lebih RM5 bilion setahun. Ianya juga untuk mengurangkan masalah gejala sosial dan salah laku yang berlaku ke atas keluarga dan amah yang bekerja di negara kita. "

**(Menteri Sumber Manusia)**

26. PN-1251-U13943

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini, Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Ahli Parlimen Permatang Pauh banyak melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan dasar luar Malaysia. Antara yang begitu ketara apabila beliau secara terang-terangan tanpa segan silu menyokong supaya semua negara memelihara keselamatan/keamanan Israel. Sedangkan beliau tahu Israel adalah negara haram. Israel adalah negara "atas angin" sahaja tanpa berpaksi kesahihan undang-undang antarabangsa. Namun, Anwar telah menegaskan dalam The Wall Street Journal bahawa negara itu perlu diperlihara. Ini bermakna Anwar telah menggadai prinsip demokrasi, menguris perasaan orang-orang Islam bahawa negara yang sah iaitu Palestin; merobek persefahaman negara-negara Islam yang lain terhadap Malaysia kerana Anwar dikenali atas perjuangannya dulu di dalam ABIM (yang akhir-akhir ini jauh terpesong) dan semangat musyawarah di kalangan negara-negara Islam yang menyokong Palestin. Justeru, Dewan ini didesak untuk mengambil satu tindakan terhadap kes-kes seperti yang dilontar oleh Anwar dengan mengadakan peraturan ke atas sesuatu komen atau pandangan bersandarkan sensitiviti negara-negara yang mahu diberi komen dengan mengambil kira fahaman agama dan geopolitik setempat. Maka Kerajaan diminta menyediakan garis panduan atau peraturan ke atas kebebasan mengeluarkan pendapat tanpa menidakkann fakta dan dasar luar negara Malaysia. Ini penting bagi memastikan kedaulatan negara kita tidak tercemar oleh sepatah perkataan yang sengaja dihemburkan demi untuk suatu bentuk simpati politik peribadi yang akhirnya merosakkan imej Malaysia di mata dunia."

**(Menteri Luar Negeri)**

27. PN-1251-U14222

**Dr. S. Ramakrishnan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak kerajaan mengubal Undang-undang Kebebasan Maklumat bagi membolehkan rakyat Malaysia menikmati hak untuk mendapatkan maklumat selaras dengan kehendak prinsip-prinsip demokrasi. Hak rakyat untuk mendapatkan maklumat adalah penting bagi membolehkan rakyat untuk memeriksa dan membendung penyalahgunaan kuasa oleh kakitangan Kerajaan dalam hal-hal pentadbiran Kerajaan terutamanya keputusan-keputusan Kerajaan yang mempunyai implikasi secara langsung dan tidak langsung terhadap rakyat jelata. Oleh itu saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkkan usul pengubalan undang-undang bagi tujuan membolehkan rakyat Malaysia untuk mengambil bahagian dalam pentadbiran dan hal-hal Kerajaan terutamanya dalam proses membuat keputusan-keputusan sejajar dengan prinsip demokrasi (participatory democracy) dan kepentingan awam (public interest). Rakyat Malaysia mengalu-alu satu Kerajaan yang telus dan bertanggung jawab maka pengubalan undang-undang ini adalah mustahak. Undang-undang ini akan membenarkan akses kepada dokumen-dokumen sesebuah agensi Kerajaan dan dokumen-dokumen rasmi Kementerian Kerajaan.

Maka disarankan supaya Kerajaan mengambil serius pengubalan undang-undang ini dan memgambil segala langkah-langkah untuk merealisasikan undang-undang ini di Malaysia yang mana undang-undang begini telahpun diperkenalkan di negara-negara KOMANWEL yang lain. "

**(Menteri di Jabatan Perdana Menteri)**

28. PN-1251-U14225

**Dr. S. Ramakrishnan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan prihatin dan memandang serius terhadap penyalahgunaan minuman alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita, terutama di kalangan remaja bermula dari usia 16 tahun amat membimbangkan dan ia akan membawa padah kepada masa depan negara kita jika kita tidak mengambil tindakan yang sewajarnya secepat mungkin. Oleh itu, saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkkan usul pengubalan undang-undang untuk menangani penyalahgunaan alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita dengan mengambil langkah-langkah berikut:-

- (i) Mengubah dan meningkatkan umur seseorang untuk membeli minuman keras dan alkohol secara sah dari segi undang-undang dari 18 tahun ke 21 tahun. Hukuman berat dan denda yang maksimum juga harus dikenakan terhadap sesiapa sahaja yang di bawah umur 21 tahun jika mereka didapati membeli minuman alkohol dan minuman keras.
- (ii) Memperkenalkan sistem lesen baru yang mengawal waktu penjualan alkohol dan minuman keras. Contohnya seperti mengehadkan waktu penjualan dari 11.00 pagi sehingga pukul 9.00 malam.
- (iii) Mempunyai undang-undang untuk menangani masalah-masalah pengambilan minuman-minuman keras dan alkohol di tempat awam dan menjadikan pengambilan minuman ini di tempat awam sebagai satu jenayah di mana boleh ditangkap dan didakwa di bawah kanun undang-undang.
- (iv) Memperketatkan lagi kanun undang-undang yang mengawal penjualan alkohol dan minuman keras oleh peniaga-peniaga kepada remaja dan juga pelajar-pelajar di bawah umur. Contohnya, apabila mana-mana peniaga menjual alkohol dan minuman keras kepada pelajar-pelajar dan remaja di bawah umur, lesen kedai peniaga itu haruslah ditarik dan dibatalkan dan mengenakan denda yang maksimum terhadap peniaga tersebut.
- (v) Memperkenalkan undang-undang baru untuk pendaftaran dan mengawal penjualan minuman-minuman keras buatan tempatan. Contohnya seperti samsu dan ia mendapat sambutan baik di kalangan masyarakat berpendapatan rendah, terutamanya di kalangan masyarakat India yang tinggal di estate, kerana harga minuman ini adalah sangat murah dan mudah didapati di kawasan pedalaman secara haram.

- (vi) Menubuhkan satu pusat pencegahan, penyelidikan, dan pemulihian alkohol Malaysia seperti di Amerika Syarikat dan Australia untuk mengadakan penyelidikan dari semasa ke semasa."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**